



Pelembap bibir mengandungi madu kelulut asli dan propolis kelulut, dua bahan utama yang kaya dengan khasiat semula jadi.

(Foto Mozaid Idris/BH)

Fakulti Pertanian UPM cipta pelembab bibir madu kelulut

Serdang: Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini berjaya menghasilkan pelembab bibir berasaskan madu kelulut.

Produk itu yang lahir daripada kerjasama penyelidikan dan pembangunan (R&D) secara intensif di Ladang 10, Fakulti Pertanian UPM tercetus susulan kejayaan sebelum ini menghasilkan sabun berasaskan kelulut.

Pegawai pertanian, Saiful Anuar A Rahman, berkata sumber madu kelulut mentah diusahakan di fakulti berkenaan digunakan secara optimum yang boleh memberi manfaat kepada orang ramai.

“Pelembap bibir ini mengandungi madu kelulut asli dan propolis kelulut, dua bahan utama yang kaya dengan khasiat semula jadi.

“Madu kelulut bukan sahaja mengekalkan kelembapan pada

bibir dan mencegah dehidrasi, tetapi juga membantu mengurangkan parut serta mempercepatkan pertumbuhan tisu baharu.

“Propolis kelulut yang dihasilkan oleh lebah daripada resin pokok bertindak sebagai bahan antibakteria yang melindungi bibir daripada jangkitan dan keradangan,” katanya.

“Saiful Anuar berkata, lebah kelulut menggunakan propolis untuk membina dan melindungi sarang daripada jangkitan kuman.

Propolis kaya dengan sebatian antibakteria dan antimikrob yang bermanfaat dalam penjagaan kulit, termasuk mempercepatkan penyembuhan luka kecil dan ulser mulut.

Katanya, produk berkualiti tinggi itu boleh digunakan untuk semua peringkat umur terutama mereka yang mengalami masalah bibir kering dan sensitif.